

KENYATAAN MEDIA

PENYELARASAN KADAR TOL 2015

1. Dasar Penswastaan Lebuhraya Bertol telah mula dilaksanakan di negara kita pada awal 1980-an di mana objektif utamanya adalah untuk menggalakkan penglibatan syarikat-syarikat swasta dalam membangunkan bidang infrastruktur negara. Di samping itu, dasar penswastaan ini juga akan mempercepatkan pertumbuhan ekonomi negara dan mencapai matlamat serta dasar ekonomi negara.
2. Pembangunan lebuhraya adalah menggunakan konsep Pembiayaan Swasta atau pun lebih dikenali sebagai *Private Funding Initiative* (PFI). Melalui konsep ini, pembangunan lebuhraya dibiayai oleh syarikat konsesi sama ada melalui pinjaman komersial atau sukuk.
3. Memandangkan pembangunan lebuhraya dibiayai oleh syarikat konsesi, kadar tol perlu dikenakan kepada pengguna untuk membolehkan syarikat tersebut menyenggara lebuhraya tersebut untuk keselesaan dan keselamatan para pengguna. Dalam hal ini, kadar tol yang dikenakan adalah berdasarkan *user pay* di mana kadar tol dibayar adalah mengikut jarak perjalanan pengguna. Dalam hal ini juga, kadar tol yang ditetapkan di sesuatu lebuhraya mengambil kira kos pembiayaan, kos operasi dan penyenggaraan serta kemampuan pengguna. Kerajaan tidak mahu membebankan rakyat dengan kadar tol yang tinggi dan oleh kerana itu, kadar tol yang dikenakan akan mengalami *gradual increment* sepanjang tempoh konsesi yang ditetapkan.
4. Kerajaan juga telah menanggukkan kenaikan kadar tol di lebuhraya-lebuhraya yang layak mendapat kenaikan tol sejak tahun 2008 sebagai salah satu inisiatif untuk mengurangkan beban kewangan rakyat. Oleh itu, Kerajaan telah membayar pampasan kepada syarikat-syarikat konsesi yang terlibat sebagai mana yang diperuntukkan dalam Perjanjian Konsesi. Jumlah pampasan yang telah dibayar oleh Kerajaan dari tahun 2008 hingga 2013 adalah sebanyak RM1,108.91 juta manakala bagi tahun 2014 adalah sebanyak RM402.99 juta.

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

• : 03- 8000 8000 / D.L : 03-2771 4616 / 4627 | 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks | 

Pro@kkr.gov.my

5. Dalam hal ini, Kerajaan berpandangan pampasan-pampasan penangguhan kenaikan kadar tol sewajarnya digunakan untuk melaksanakan projek-projek pembangunan yang lain yang boleh memberi kesan pengganda (*multiple effect*) kepada ekonomi negara yang seterusnya boleh memanfaatkan rakyat Malaysia secara keseluruhannya. Umpamanya, ia boleh digunakan untuk membiayai kerja-kerja penurapan semula jalan-jalan sedia ada, menyediakan lebih banyak kemudahan kesihatan seperti membina lebih banyak hospital, membina lebih banyak sekolah dan sebagainya.

6. Penyelarasan kadar tol bermula 15 Oktober 2015 ini hanya melibatkan lebuh raya dalam bandar dan tidak melibatkan lebuh raya antara bandar. Selain itu, kadar tol untuk bas akan kekal seperti mana sekarang dalam usaha untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam, terutamanya bas yang akan menjadi satu lagi opsyen mod pengangkutan ke destinasi masing-masing serta mengurangkan aliran trafik / kesesakan ke pusat bandar.

KEMENTERIAN KERJA RAYA
12 Oktober 2015

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

• : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks | 

Pro@kkr.gov.my